

25 APR 2002

Khalil-Misi (Fokus Berita Bergambar)

MISI PENYEBARAN MAKLUMAT DARI LEMBAH NIL KE LEMBAH KLANG

Oleh: Mokhtar Hussain

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Tan Sri Khalil Yaakob kini mempunyai misi besar selaku Menteri Penerangan -- satu misi yang memerlukan beliau menjelajah negara padang pasir malah menyeberangi sempadan yang bersengketa di rantau Arab.

Tujuannya ialah mewujudkan jalinan kerjasama bagi pertukaran berita dan maklumat dari Lembah Nil hinggalah ke Lembah Klang.

Dalam usaha itu, Khalil sendiri terpaksa bertindak seperti seorang pegawai penerangan, bagi menghurai dan menjelaskan mengenai satu idea atau rancangan, yang difikirkan baik dan wajar dilaksanakan oleh negara-negara Selatan.

Idea tersebut ialah bagi mewujudkan apa yang dinamakan Gerbang Maklumat Selatan-Selatan (SSIG).

Ia dicetuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa Dialog Antarabangsa Langkawi 1999 memandangkan negara-negara Selatan perlu mengenali satu sama lain dengan saling bertukar maklumat mengenai apa yang berlaku di negara masing-masing, bukannya melihat sesebuah negara menurut kaca mata media Barat yang seringkali hanya menonjol "wajah-wajah hodoh" negara berkenaan.

Lantaran itu, suatu rangkaian berita portal yang dinamakan "Smart News Network International" atau SNNi dilancarkan di Kempala, Uganda pada 2001. Majlis pelancaran dilakukan oleh Dr Mahathir bersama Presiden Uganda Yoweri Museveni dan Presiden Mozambique, Joaquim Chissano.

SNNi menggabungkan media dari Afrika Selatan, Botswana, Lesotho, Mozambique, Namibia, Uganda dan Zimbabwe. Media Malaysia yang terlibat ialah Bernama serta akhbar-akhbar The New Straits Times, The Star dan Utusan Malaysia. Media Afrika pula disertai oleh akhbar Namibia Today, New Vision (Uganda), Bua News (Afrika Selatan) dan The Herald (Zimbabwe).

Namun usaha itu perlu dikembangkan bagi melibatkan bukan sahaja berita tetapi program radio dan televisyen.

Lantas pada awal April, Khalil mengetuai satu delegasi Angkasapuri ke Mesir dan Lubnan sebagai fasa pertama ke arah merealisasikan idea tersebut. Delegasi disertai antara lainnya oleh Ketua Pengarang Bernama Jaafar Hussin dan Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran Haji Abdul Rahman Abdul Wahid.

Menurut Khalil, sekiranya rakyat di negara-negara Selatan dapat berkongsi maklumat secara terus, ia akan dapat mengurangkan pergantungan kepada media Barat sebagai sumber berita yang selalunya berat sebelah dan tidak tepat.

Hakikat ini lebih ketara ekoran peristiwa serangan pengganas terhadap menara kembar World Trade Center di New York dan Pentagon di Washington pada 11 Sept tahun lepas. Berita-berita yang menyusul selepas kejadian itu banyak menumpukan kepada umat Islam serta negara Islam, dan Malaysia tidak ketinggalan.

Media Barat digunakan sepenuhnya untuk menonjolkan tindakan Amerika Syarikat dan sekutunya Britain. Suara dan perasaan masyarakat Islam tidak begitu didengari. Mujurlah ada stesen Al-Jazeera dari Qatar yang dapat memberi sedikit gambaran yang lebih baik, sekurang-kurangnya kerana ia dari sebuah negara Islam.

Seorang pegawai yang mengikuti rombongan itu menyedari keadaan ini. Semasa di Beirut, beliau dapat melihat bagaimana sebenarnya masyarakat di seluruh dunia Arab mengadakan bantahan dan tunjuk perasaan hampir setiap hari sejak tentera Israel mencerobohi wilayah Palestin.

Katanya, siaran CNN atau bahan yang diterima tidak sekali memberi gambaran sedemikian.

Apabila rombongan Khalil tiba di Kaherah, mereka dapat melihat bagaimana ibu negara Mesir itu menjadi pusat pengumpulan berita dan kandungan televisyen bagi rantau Arab.

Lokasi strategik dan kemudahan komunikasi yang terdapat di bandar yang terkenal dengan sejarah tamadun manusia ini membuatkan pelbagai wakil media bertumpu di Kaherah.

Terdapat kira-kira 600 wakil media asing bertumpu di Kaherah pada satu-satu masa terutama semasa liputan krisis Asia Barat.

Rombongan dari Kuala Lumpur mulanya berasa misi ini mungkin suatu tugas berat untuk menjelaskan tujuan lawatan. Tetapi sangkaan itu meleset apabila pihak di Kaherah tidak banyak soal dan menyambut baik hasrat Malaysia.

Pihak tuan rumah terus mengatur upacara menandatangani dua Memorandum Persefahaman iaitu antara Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Kesatuan Radio Televisyen Mesir (ERTU) serta antara Bernama dan MENA, iaitu agensi berita Timur Tengah.

Selepas menyaksikan majlis itu, Menteri Penerangan Mesir Mohammed Safwat El-Sherif menyifatkan usaha itu sebagai suatu perjanjian yang amat baik.

Khalil menjelaskan bahawa masyarakat Malaysia sebelum ini telah biasa menonton program atau drama televisyen dari Mesir.

Menurutnya apa yang perlu dilakukan ialah menterjemahkan program tersebut ke dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dan sebaliknya drama Melayu diterjemahkan ke bahasa Arab.

"Kerana itu, faktor bahasa amat penting," katanya.

Beliau berpendapat peranan ini boleh dilakukan oleh para pelajar Malaysia yang menuntut di negara-negara Arab. Malah semasa berkesempatan bertemu pelajar Malaysia di Mesir, Khalil turut menyampaikan pandangannya itu.

Menurutnya pelajar Malaysia yang mahir berbahasa Arab mampu membantu usaha mengukuhkan hubungan antara dunia Arab dan masyarakat Malaysia.

Kesungguhan Kaherah menerima baik usaha ini jelas tergambar apabila Muhammad Safwat sanggup bergegas dari hospital di mana anak perempuan sedang dirawat kerana cedera parah akibat kemalangan jalan raya untuk menyertai Khalil.

Semasa kunjungan Khalil di Beirut, Menteri Penerangan Lubnan Ghazi Al-Aridi menyambut baik rombongan Malaysia, dengan berkata beliau akan mengarahkan pegawainya segera merangka program bagi memastikan hasrat itu membuahkan hasil.

Nama Malaysia sememangnya dikenali di Asia Barat. Seorang lelaki Lubnan yang terserempak dengan rombongan Malaysia bertanya tujuan lawatan itu.

Setelah dijelaskan, beliau terus menjawab : "Itu satu idea sangat bagus. Tolong pastikan ia benar-benar berlaku secepat mungkin)

Dalam temubual pada akhir lawatan, Khalil menjelaskan bahawa Bernama harus mempunyai wakil di Kaherah kerana banyak perkara di Asia Barat perlu diberi gambaran jelas kepada penduduk di Malaysia dan sebaliknya.

Sebagai contoh, semasa di Kaherah beliau mendapati wujud silap faham banyak pihak terutama media di Asia Barat kononnya pendirian Malaysia sudah berubah terhadap perjuangan Palestin ekoran definisi berhubung keganasan semasa Sesi Khas Menteri-menteri Luar OIC di Kuala Lumpur sebelum ini.

Soalan itu diajukan kepada Khalil ketika diwawancara oleh pengacara terkenal Nile TV, Dina Othman semasa Khalil mengunjungi stesen itu.

Menurut Khalil, kekeliruan seperti itu boleh diatasi sekiranya ada pihak yang boleh memantau keadaan itu dan berusaha menjelaskannya.

Semasa lawatan ke kedua-dua negara, Khalil antara lain meninjau penerbitan akhbar tertua Arab, Al-Ahram di Kaherah, dan stesen televisyen

Tele-Liban di Beirut.

Hasil tinjauan itu, Khalil menyedari betapa pentingnya format digital dilaksanakan segera oleh televisyen di Malaysia agar penonton mendapat mutu siaran yang berkualiti.

Di Mesir, Khalil berkesempatan melawat Mubarak Centre iaitu sebuah pusat produksi pelbagai bahan media yang digelar "Hollywood of the Middle East".

Menteri Penerangan itu yang kagum dengan kemudahan dan teknologi yang terdapat di situ, berkata RTM tidak boleh berlengah lagi menggunakan format digital bagi memastikan kepuasan penontonnya.

Misi Khalil boleh dianggap berjaya.

Sekurang-kurangnya bagi Khalil, beliau mampu mengukir senyuman kerana akhirnya menemui album lagu-lagu Arab yang dicari-carinya sekian lama.

Khalil pasti mendendangkan lagu-lagu tersebut apabila kembali ke tanah air. Diharapkan lagu-lagu asli Melayu yang disumbangkan sebagai cenderahati akan turut berkumandang di ruang udara Mesir dan Lubnan.

Selepas ini, Khalil dan rombongan dijangka menjelajah ke beberapa negara lain seperti Maghribi, Sudan dan Syria.

-- BERNAMA

MOK MFJ MAI